

Sinopsis

Tajuk ini mengandungi konsep dan definisi media pengajaran, jenis dan klasifikasi media pengajaran dan fungsi media dalam pengajaran dan pembelajaran Tajuk ini juga membincangkan hubungkait konsep-konsep di atas.

Hasil Pembelajaran

Setelah selesai mengikuti modul ini, diharap anda dapat:

1. Menjelaskan konsep dan prinsip teknologi pengajaran.
2. Mengaitkan peranan teori pembelajaran dalam teknologi pengajaran.
3. Mengenal pasti domain teknologi pengajaran.
4. Menghuraikan peranan dan kepentingan teknologi pengajaran

2.1 Konsep dan Definisi Media Pengajaran

Media pengajaran adalah segala sesuatu yang dapat digunakan untuk menyalurkan pesanan daripada pengirim kepada penerima sehingga dapat merangsang fikiran, perasaan, minat serta perhatian pelajar dan seterusnya terjadi proses pembelajaran. Dari sudut penggunaan media pengajaran, Ngui Kuan Sang (1989), berpandangan bahawa ia adalah satu pengalaman yang melibatkan penggunaan penglihatan dan pendengaran seseorang serta teknik-teknik pengajaran, termasuk proses pengalaman, persediaan dan perasaan. Ini bermakna ia adalah satu proses pengalaman yang total.

Percival & Ellington (1984)

Percival & Ellington (1984) telah mengkategorikan media dalam dua bentuk:

1. Pelbagai Alatan Fizikal Teknologi Pendidikan.
 - perkataan bercetak, filem, pita, piring hitam, filem, slaid, gambar, perakam, *slide* dan kombinasi di antaranya.
2. Pelbagai Saluran Komunikasi Massa.
 - surat khabar, radio dan televisyen

Media dalam pengajaran merujuk kepada alatan atau teknik yang berupaya menyalurkan mesej pengirim kepada penerima mesej sehingga mendorong dan merangsang pemikiran, perasaan, minat dan perhatian penerima.

Media dalam pengajaran berperanan sebagai penghubung antara guru dan pelajar dan pelajar dengan pelajar. Ia juga menyampaikan isi kandungan dengan berkesan serta menyeronokkan dan bermakna. Hal ini demikian dengan penglibatan pelbagai deria.



Rajah 1: Komunikasi Dalam Proses Penggunaan Media

2.2 Jenis dan klafikasi media pengajaran

PENKELASAN MEDIA PENGAJARAN

Bil	Jenis media	Contoh
1.	Media Tayang Kaku	Tranparensi, slaid & mikrofilem
2.	Media Tayang Bergerak	Pita video, cakera padat digital & filem
3.	Bahan Grafik	Lukisan, poster, kartun, carta & graf
4.	Gambar Kaku	Gambar foto, kad imbasan & poskad
5.	Bahan Pameran 3D	Model, boneka, diorama & puppet
6.	Papan Pameran	Papan kapur, papan putih, papan flanel & papan buletin
7.	Media Audio	Pita kaset, cakera padat & computer
8.	Media Cetak	Modul, buku teks, akhbar, majalah & risalah

2.3 Fungsi Media dalam Pengajaran dan Pembelajaran

1. Memperjelaskan Penyampaian Mesej, adalah lebih berkesan jika perkataan disertakan dengan gambar atau simbol yang lebih konkrit maknanya. Dengan media, segala simbol, verbal yang abstrak, dapat dijelaskan. Dengan teknologi komputer, penjelasan lebih berkesan dan menarik seperti penggunaan animasi, bunyi dan muzik.
2. Mengatasi Batasan Ruang, Waktu dan Pancaindera, contoh;
 - i. Objek yang terlalu besar atau kecil boleh digantikan dengan model, gambar, transparensi, filem atau video.
 - ii. Gerak yang terlalu lambat atau terlalu cepat dapat dibantu dengan timelapse atau high-speed photography.
 - iii. Kejadian yagn berlaku pada masa lalu dapat ditampilkan dalam bentuk filem, gambar foto atau pun lisan.
 - iv. Objek yang terlalu kompleks dapat ditunjukkan dalam bentuk model, gambar rajah dll.
 - v. Konsep yang terlalu luas atau abstrak dapat divisualkan.

3. Penggunaan Media Pengajaran Secara Betul dan Bervariasi, akan dapat mengatasi sikap pasif pelajar kerana ia boleh menimbulkan minat, meningkatkan interaksi dan kefahaman pelajar tentang realiti. Pelajar boleh belajar sendiri.

a) Pengajaran Bersama Pengajar

Ini adalah penggunaan media yang paling biasa di mana ia membantu pengajar melaksanakan pengajarannya secara langsung (*live*). Keberkesanan media dalam konteks ini bergantung kepada bagaimana pengajar itu menggunakan media tersebut tidak kira sama ada media itu dipilih daripada sesuatu koleksi atau disediakan oleh beliau sendiri.

(b) Pengajaran Tanpa Bergantung Kepada Pengajar

Media boleh digunakan secara berkesan tanpa kehadiran pengajar, sama ada kerana pengajar tidak ada atau sedang membantu pelajar lain. Ini tidak bermakna pelajar belajartanpa panduan. Pelajar dibimbing oleh pereka media tersebut seperti mana penulis membimbing anda mempelajari modul ini) dan pengajaran jenis ini dikenali sebagai pengajaran sendiri.

Media yang digunakan dalam situasi ini biasanya dipakej dengan sempurna, iaitu menerangkan dengan jelas tentang tujuan, objektif, cara mengguna dan menilai pencapaian sendiri. Pengajaran seperti ini tidak berhasrat untuk menggantikan tugas guru. Sebaliknya, dengan cara ini guru boleh menjadi pengurus yang lebih cekap dan kreatif, tidak hanya sebagai penyampai maklumat semata-mata.

(c) Penggunaan Media Pengajaran Secara Betul dan Bervariasi

Penggunaan media pengajaran secara betul dan bervariasi dapat mengatasi sikap pasif pelajar kerana ia menimbulkan minat, meningkatkan interaksi dan kefahaman pelajar tentang realiti. Pelajar juga boleh belajar sendirian, menurut kemampuan dan keselesaan masing-masing.

(d) Pengalaman dan Persepsi yang Sama

Walaupun kurikulum dan bahan pengajaran ditentukan sama bagi setiap pelajar, sifat unik yang ada pada setiap pelajar, ditambah dengan persekitaran yang berbeza membuatkan guru mengalami kesulitan. Keadaan ini dapat diatasi dengan media pengajaran kerana kemampuannya dalam memberikan rangsangan pengalaman dan persepsi yang sama. Misalnya, sebuah perisian kursus boleh digunakan berulang kali oleh pelajar tanpa merosakkan kandungan asal. Belajar secara berulang kali ini membantu pelajar membentuk persepsi yang sama dan tepat tentang sesuatu konsep atau prinsip.

(d) Pengajaran Tematik (*Thematic*)

Pengajaran jenis ini berfokus kepada sesuatu tajuk yang dipilih atau ditentukan oleh guru. Ia bermula dengan “perkongsian pengalaman” yang diperolehi mungkin daripada tayangan video, lawatan ke muzium atau mendengar ceramah. Kemudian, diikuti dengan “perkongsian kepakaran” di mana pelajar secara bekerjasama mengumpulkan data dan maklumat, menganalisis data tersebut dan akhirnya menggariskan kesimpulan. Suatu laporan dikeluarkan dan dibentangkan untuk dikongsi oleh semua murid di dalam kelas. Tema yang biasa dilaksanakan adalah seperti sejarah sukan Olimpik, sejarah tempatan, industri tempatan dan sebagainya.

(e) Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)

Pendidikan jarak jauh (PJJ) bukan suatu yang asing lagi bagi pelajar di Malaysia. Ia kini berkembang luas dan menjadi tapak bagi menyediakan peluang belajar pelbagai bidang ilmu kepada semua orang. Media yang digunakan merangkumi media cetak dan elektronik. Telekonferensi membolehkan pelajar dari pelbagai tempat bertemu dan berbincang secara maya. Ruangan berbual, papan buletin dan *listserv* turut menyokong komunikasi pembelajaran jenis ini.

(f) Pendidikan bagi Pelajar Istimewa

Media memainkan peranan yang besar di kalangan pelajar yang kurang upaya. Pelajar pekak misalnya memerlukan bahan pembelajaran yang berbeza daripada pelajar normal. Teknologi masa kini telah menyediakan peralatan yang bersesuaian dengan mereka yang kurang berupaya/kecacatan.



TUGASAN TERARAH

1. Apakah media pengajaran?
2. Jelaskan prosedur yang perlu dilakukan dalam menyediakan bahan media pengajaran.
3. Kepelbagaian media pengajaran mampu memberi pengalaman pembelajaran yang berkesan kepada pelajar-pelajar. Sejauhmanakan anda bersetuju dengan kenyataan ini dan berikan huraian.



LAMAN WEB

<http://interact.uoregon.edu/MediaLit/FA/MLArticleFolder/effects.html>
<http://www.cudenver.edu/~mryder/itcon.html>



PORTFOLIO

Dokumen atau tugas perlu disimpan dalam portfolio dan diserahkan kepada pensyarah dalam bentuk 'soft' dan 'hard' copy.



RUJUKAN

Newby, T.J., Stepich,D.A., Lehman,J.D. & Russell,J.D. (2000). *Instructional technology for teaching and learning*.(2nd ed). New Jersey: Prentice Hall.

Priscilla, N. & Karin, M.W. (2003). *Teaching with technology: Designing opportunities to learn*. (2nd ed.).Canada:Thomson Wadsworth.

Roblyer,M.D. & Edwards,J. (2000). *Integrating Educational Technology into Teaching*. (2nd ed).). New Jersey: Prentice Hall.

Safian bin Abd. Rashid (2010). *Pengurusan sumber : Komponen Teknologi Pendidikan*.

Yusuf Hashim (1998). *Teknologi pengajaran*.Shah Alam:Penerbit Fajar Bakti.

IKON



Rehat



Perbincangan



Bahan Bacaan



Buku Rujukan



Latihan



Membuat Nota



Senarai Semakan



Layari Internet



Panduan Pengguna



Mengumpul Maklumat



Tutorial



Memikir



Tamat